



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

***Ministry of Agriculture and Food Security***

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.kpk.gov.my](http://www.kpk.gov.my)

---

**KENYATAAN MEDIA**

**KPKM MENYAMBUT BAIK CADANGAN, PANDANGAN PEMEGANG TARUH  
INDUSTRI PADI DAN BERAS DALAM SESI LIBAT URUS BERSAMA MENTERI**

**KUALA LUMPUR, 1 MAC 2024** – Sesi libat urus Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama pemegang taruh industri padi dan beras telah diadakan semalam, dipengerusikan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Sesi tersebut dihadiri pelbagai pihak berkepentingan di sepanjang rantai nilai industri padi dan beras yang terdiri daripada wakil persatuan pengilang, pemborong, peruncit dan restoran.

Turut hadir Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali dan Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Datuk Azman Mahmood serta wakil Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), selain wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Ekonomi (KE), Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Sesi libat urus ini adalah susulan keputusan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 Februari lepas, di mana mesyuarat berkenaan bersetuju supaya KPKM mengadakan kajian dan perbincangan lanjut berhubung industri padi dan beras secara menyeluruh dengan mengambil kira harga belian padi, faktor bekalan, harga beras import dunia, kemampuan bekalan beras tempatan dan kesan kepada pengguna.

Menerusi sesi libat urus ini juga, segala pandangan, ulasan serta input yang diberikan akan diperhalusi serta dikaji sebaiknya melibatkan kepentingan semua pihak dalam rantai nilai industri padi dan beras bermula daripada pesawah, pengilang, pemborong serta peruncit seterusnya pengguna sebelum diangkat satu pelan tindakan baharu industri padi dan beras untuk pertimbangan Mesyuarat NACCOL pada 20 Mac kelak.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**1 MAC 2024**